

**Tingkatkan daya saing
Utusan Online
13 April, 2012
Oleh NORLIZA ABD. RAHMAN**

PUTRAJAYA 12 April - Kertas kerja mengenai semakan semula Dasar Automotif Negara (DAN) bagi mewujudkan dasar-dasar baru untuk meningkatkan daya saing pasaran bagi syarikat tempatan dan antarabangsa akan dibentangkan ke Kabinet tidak lama lagi.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, cadangan kajian semula DAN itu jika dipersetujui kelak akan mengubah landskap industri automotif negara.

"Kita hendak sedarkan bahawa landskap hari ini sudah berubah, umpamanya tahun lepas 20 peratus kereta di pasaran Malaysia adalah kenderaan dipasang siap sepenuhnya, ini bermakna untuk pasaran Asia sudah dibuka, inilah realitinya.

"Maknanya saingan ini tidak boleh ditahan dan ia perlu. Kita perlu sedarkan pengusaha-pengusaha dalam negara bahawa ini satu langkah membuka pasaran ASEAN," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Menurut Mustapa, DAN yang akan disusun semula itu juga bertujuan menyediakan kelebihan teknologi dan trend industri automotif global.

Katanya, sebagai persediaan menghadapi 2015, Malaysia sudah menandatangani Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) bagi penghapusan atau pengurangan duti import produk automotif dengan Jepun, Korea dan beberapa negara lain.

"Ini akan menjadikan pasaran Asia lebih terbuka dan liberal, dasar ini akan melihat kepada cara-cara untuk meningkatkan daya saing syarikat-syarikat di Malaysia.

"Kita juga nak pastikan tak terpinggir dari kemajuan teknologi terkini seperti penggunaan kereta hybrid dan kereta elektrik. Dasar itu akan menggalakkan pelaburan dalam bidang-bidang baru ini," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, DAN merupakan perkara besar yang perlu mendapat sokongan kerajaan kerana ia turut melibatkan Kementerian Kewangan, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dan Kementerian Pengangkutan selain pihak berkepentingan serta syarikat swasta.

Ditanya adakah harga pasaran kereta akan lebih murah pada masa hadapan, beliau berkata: "Kita tidak boleh cakap apa-apa pasal harga kereta nanti ada kesan pada kereta terpakai kalau turun mendadak."

Terdahulu, Mustapa merasmikan forum bertajuk Peranan Pelajar dan Tanggungjawab Sosial & Hebahan Media Program 1Malaysia Young Entrepreneurs Challenge (1MYEC).

Program itu bertujuan menggalakkan penuntut institusi pengajian tinggi awam dan swasta, kolej komuniti dan sekolah menengah melibatkan diri dalam bidang keusahawanan selepas tamat pengajian.

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0413&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_09.htm